



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-26 KHAS (4/2022) SECARA DALAM TALIAN**

Tarikh : 12 Oktober 2022 (Rabu)
Masa : 9.30 pagi
Platform : Secara dalam talian menerusi aplikasi *Zoom Meeting*
Kehadiran : Seperti di **Lampiran A**

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
26.1	Aluan Pengerusi Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan mengalu-alukan kehadiran ahli dan wakil yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Kali ke-26 (Khas) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Zoom Meeting</i> .	Makluman
26.2	Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Tahun 2022 (Kemaskini Oktober 2022) Mesyuarat: (a) mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Tahun 2022 yang telah dikemaskini sehingga Oktober 2022 adalah seperti Laporan Agenda 2.1 yang dibentangkan semasa mesyuarat. (b) mengambil maklum tiga (3) objektif ISMS tahun 2022 telah mencapai sasaran manakala satu (1) lagi objektif yang melibatkan Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah belum dapat diukur sepenuhnya disebabkan maklumat hanya lengkap selepas pendaftaran pelajar rayuan berlaku pada 26 Oktober 2022 di Kampus Serdang dan Bintulu. Bagaimanapun berdasarkan pengukuran awal semasa Pendaftaran	Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman																				
	<p>Pelajar Baharu Prasiswazah pada 5 dan 6 Oktober 2022 di Kampus Serdang dan Bintulu, UPM telah berjaya merekodkan pencapaian sebanyak 96.00% dan telah melepasi sasaran yang ditetapkan.</p> <p>(c) mengambil maklum ringkasan pencapaian objektif ISMS tahun 2022 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="384 600 1139 1989"> <thead> <tr> <th data-bbox="384 600 453 678">Bil</th> <th data-bbox="453 600 700 678">Kenyataan Objektif</th> <th data-bbox="700 600 940 678">Sasaran & Pencapaian</th> <th data-bbox="940 600 1139 678">Peneraju ISMS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="384 678 453 1055">1.</td> <td data-bbox="453 678 700 1055">Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran</td> <td data-bbox="700 678 940 1055">80% (UPM Serdang/Bintulu) 96.00% (Data akan dilengkapkan selepas proses pendaftaran pelajar rayuan pada 26 Oktober 2022)</td> <td data-bbox="940 678 1139 1055">Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="384 1055 453 1364">2.</td> <td data-bbox="453 1055 700 1364">Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu</td> <td data-bbox="700 1055 940 1364">95%/ 100.000%</td> <td data-bbox="940 1055 1139 1364">Pasukan Pusat data</td> </tr> <tr> <td data-bbox="384 1364 453 1637">3.</td> <td data-bbox="453 1364 700 1637">Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran</td> <td data-bbox="700 1364 940 1637">95%/ 98.447%</td> <td data-bbox="940 1364 1139 1637">Pasukan Pusat data</td> </tr> <tr> <td data-bbox="384 1637 453 1989">4.</td> <td data-bbox="453 1637 700 1989">Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik</td> <td data-bbox="700 1637 940 1989">80% / 81.98%</td> <td data-bbox="940 1637 1139 1989">Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran & Pencapaian	Peneraju ISMS	1.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80% (UPM Serdang/Bintulu) 96.00% (Data akan dilengkapkan selepas proses pendaftaran pelajar rayuan pada 26 Oktober 2022)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)	2.	Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%/ 100.000%	Pasukan Pusat data	3.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%/ 98.447%	Pasukan Pusat data	4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80% / 81.98%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<p>Makluman</p>
Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran & Pencapaian	Peneraju ISMS																			
1.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80% (UPM Serdang/Bintulu) 96.00% (Data akan dilengkapkan selepas proses pendaftaran pelajar rayuan pada 26 Oktober 2022)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu)																			
2.	Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%/ 100.000%	Pasukan Pusat data																			
3.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%/ 98.447%	Pasukan Pusat data																			
4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80% / 81.98%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti																			

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(d) turut mengambil maklum isu percanggahan maklumat penempatan pelajar dalam dalam surat tawaran dan Sistem eDaftar/eSMP melibatkan lebih kurang 70 orang pelajar baharu telah berjaya diselesaikan oleh pasukan pendaftaran pelajar pada 5 hingga 6 Oktober 2022.</p> <p>(e) meminta supaya peneraju proses membuat pelarasan dan hebahan semula kepada semua pegawai bertanggungjawab di kolej kediaman berhubung isu data tidak tepat ini beserta kaedah penyelesaian yang dipersetujui sebagai persediaan bagi menghadapi Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM 2022.</p> <p>(f) meminta supaya maklumat Analisis Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Diploma UPMKB dikemukakan kepada pihak CQA untuk rekod dan tindakan selanjutnya.</p>	<p>Makluman</p> <p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)</p> <p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu)</p>
26.3	<p>Laporan Dokumentasi ISMS</p> <p>26.3.1 Cadangan Perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS (Semakan Oktober 2022)</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS seperti Laporan Agenda 3.1 yang dibentang. Justifikasi perubahan adalah disebabkan oleh keperluan pengemaskinian maklumat termasuk penggunaan dokumen rujukan terkini.</p> <p>(b) Mesyuarat bersetuju meluluskan perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS untuk dikuatkuasakan pada 13 Oktober 2022.</p> <p>26.3.2 Dokumen Isu Dalaman dan Luaran ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan perubahan Dokumen Isu Dalaman dan Luaran ISMS seperti Laporan Agenda 3.2</p>	<p>Makluman</p> <p>Penyelaras ISMS</p> <p>Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan perubahan Dokumen Isu Dalaman dan Luaran ISMS untuk dikuatkuasakan pada 13 Oktober 2022.</p> <p>26.3.3 Dokumen Pihak Berkepentingan ISMS dan Keperluan Mereka</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Dokumen Pihak Berkepentingan ISMS dan Keperluan Mereka masih kekal sebagaimana kuatkuasa pada 5 April 2021.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta semua pasukan merujuk dokumen yang terkini melalui Portal eISO UPM semasa pelaksanaan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM 2022 pada 17 hingga 21 Oktober 2022.</p>	<p>Penyelaras ISMS</p> <p>Makluman</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p>
<p>26.4</p>	<p>Hal-hal Lain</p> <p>26.4.1 Cadangan Pengemaskinian Struktur Organisasi ISMS UPM Tahun 2022</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum terdapat cadangan perubahan pada Struktur Organisasi ISMS berikut:</p> <p>(i) Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS;</p> <p>(ii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang;</p> <p>(iii) Struktur Organisasi Pasukan Pusat Data; dan</p> <p>(iv) Struktur Organisasi Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.</p> <p>(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan perubahan struktur organisasi ISMS UPM dengan tarikh kuatkuasa/kemaskini pada 13</p>	<p>Makluman</p> <p>Penyelaras ISMS</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p data-bbox="539 277 730 309">Oktober 2022.</p> <p data-bbox="443 360 1142 636">(c) Mesyuarat dimaklumkan surat lantikan baharu hanya akan dikeluarkan sekiranya perubahan melibatkan pertukaran pegawai sedia ada. Sebarang perubahan pada gelaran atau nama seksyen/bahagian bagi pegawai yang telah dilantik tidak akan dikeluarkan surat lantikan baharu.</p> <p data-bbox="316 685 1142 757">26.4.2 Persediaan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM ISMS Tahun 2022</p> <p data-bbox="456 808 603 840">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="456 891 1142 1043">(a) mengambil maklum Ringkasan Pergerakan Juruaudit SIRIM ISMS Tahun 2022 adalah seperti Laporan Agenda 4.2 yang dibentang.</p> <p data-bbox="456 1095 1142 1285">(b) mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM ISMS ini akan diketuai oleh Puan Fazlin Zakaria dan dibantu oleh Puan Nor Aza Ramli. Sebanyak 14 PTJ terlibat sebagai sampel audit iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="539 1337 903 1368">(i) Pusat Jaminan Kualiti; <li data-bbox="539 1375 858 1406">(ii) Pejabat Pendaftar; <li data-bbox="539 1413 979 1444">(iii) Bahagian Hal Ehwal Pelajar; <li data-bbox="539 1451 1142 1529">(v) Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik; <li data-bbox="539 1536 1027 1568">(vi) Pusat Pembangunan Akademik; <li data-bbox="539 1574 1123 1606">(vii) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan; <li data-bbox="539 1612 1142 1691">(viii) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul; <li data-bbox="539 1697 932 1729">(ix) Fakulti Ekologi Manusia; <li data-bbox="539 1736 1142 1814">(x) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi; <li data-bbox="539 1821 1142 1899">(xi) Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; <li data-bbox="539 1906 1075 1937">(xii) Pejabat Penasihat Undang-undang; <li data-bbox="539 1944 1011 1975">(xiii) Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee; <li data-bbox="539 1982 1142 2056">(xiv) Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah; dan 	<p data-bbox="1166 360 1326 392">Makluman</p> <p data-bbox="1166 891 1326 922">Makluman</p> <p data-bbox="1166 1095 1326 1126">Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman																																	
	<p>(xv) Kolej Tan Sri Aishah Ghani (Nama lama: Kolej 13).</p> <p>(c) mengambil perhatian masih terdapat satu (1) NCR dan 16 OFI Audit Dalam ISMS Tahun 2022 yang belum ditutup/ diambil tindakan penutupan oleh peneraju/entiti ISMS terlibat. Pecahan NCR/OFI yang belum ditutup mengikut PTJ adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="544 680 1139 1144"> <thead> <tr> <th>PTJ</th> <th>NCR</th> <th>OFI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>AKAD</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>CADe</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>iDEC</td> <td>-</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>FP</td> <td>-</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>FRSB</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>KC</td> <td>1</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>KOSASS</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>KTDI</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>K14</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>1</td> <td>16</td> </tr> </tbody> </table> <p>(d) turut mengambil perhatian berhubung maklum balas tindakan OFI SIRIM tahun 2021 yang belum lengkap melibatkan peneraju Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu (UPMKB) dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti (CADe).</p> <p>(e) meminta semua peneraju ISMS/PTJ terlibat memberi maklum balas tindakan penutupan penemuan Audit Dalam Tahun 2022 melalui Portal Jaminan Kualiti UPM (PortalCQA) dan/atau menghantar emel maklum balas tindakan OFI SIRIM 2021 melalui emel cqa_bpq@upm.edu.my selewatnya pada 14 Oktober 2022.</p>	PTJ	NCR	OFI	AKAD	-	1	CADe	-	1	iDEC	-	5	FP	-	2	FRSB	-	1	KC	1	3	KOSASS	-	1	KTDI	-	1	K14	-	1	Jumlah	1	16	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu), Ketua Pasukan Pusat Data & Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</p>
PTJ	NCR	OFI																																	
AKAD	-	1																																	
CADe	-	1																																	
iDEC	-	5																																	
FP	-	2																																	
FRSB	-	1																																	
KC	1	3																																	
KOSASS	-	1																																	
KTDI	-	1																																	
K14	-	1																																	
Jumlah	1	16																																	

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(f) turut dimaklumkan emel peringatan akan dihantar oleh pihak CQA secara menyeluruh kepada semua PTJ yang belum memberi maklum balas penutupan Audit Dalam Tahun 2022 dan OFI Audit SIRIM 2021.</p> <p>(g) meminta semua peneraju ISMS/entiti ISMS membuat persediaan sebagaimana keperluan yang akan disampaikan semasa Taklimat Persediaan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM pada 13 Oktober 2022.</p> <p>26.4.3 Laporan Analisis Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2021/2022</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Analisis Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2021/2022 sepertimana pada Laporan Agenda 4.3 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2021/2022 telah dilaksana secara atas talian pada 21 Mac hingga 30 April 2022 (Diploma) dan 30 Mei hingga 14 Julai 2022 (Bacelor) menggunakan aplikasi <i>google form</i>. Analisis yang dijalankan menunjukkan 81.98% atau bersamaan 3468 daripada 4230 responden berpuas hati dan memberikan penilaian pada skala 4 dan ke atas terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran di UPM. Selain daripada itu, pencapaian mengikut item (soalan) juga adalah pada tahap baik iaitu dengan skor min 4.24.</p> <p>(c) Mesyuarat bersetuju meluluskan Laporan Analisis Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2021/2022 untuk rujukan dalam pelaksanaan ISMS di UPM.</p>	<p>Makluman</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Penyelaras ISMS</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>26.4.4 Pengurusan Penilaian Risiko ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum pihak MAMPU telah menghantar emel maklum balas berhubung status terkini penutupan MyRAM kepada Penyelaras Penilaian Risiko ISMS UPM pada 23 Ogos 2022 dan antara kandungan maklum balas tersebut adalah:</p> <p>(i) MAMPU sedang menaik taraf aplikasi MyRAM sedia ada (dari PHP 5.6 ke PHP 8.1) dan dijangka akan siap pada akhir Oktober 2022;</p> <p>(ii) Pihak UPM boleh membuat permohonan mendapatkan <i>source code</i> terkini dari MAMPU jika berminat untuk membuat penambahbaikan dan menghoskan sendiri di UPM; atau</p> <p>(iii) terus menggunakan aplikasi MyRAM (versi terkini) yang diselenggara oleh MAMPU.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum buat masa ini UPM bersetuju untuk mengekalkan pemakaian MyRAM sebagai metodologi penilaian risiko ISMS UPM.</p> <p>(c) Mesyuarat turut diminta untuk mengambil perhatian dan tindakan berhubung emel pemakluman Penilaian Risiko ISMS MyRAM Semakan Oktober 2022 (bagi tempoh 3 hingga 28 Oktober 2022) yang perlu dilaksanakan secara sendiri oleh semua pasukan ISMS. Semakan perlu mengambilkira penambahbaikan berdasarkan penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2022 berkaitan penilaian risiko ISMS.</p> <p>(d) Mesyuarat meminta sebarang perubahan ketara pada bilangan aset yang dinilai dalam MyRAM perlu disertakan dengan justifikasi bagi memudahkan rujukan pada masa hadapan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
26.5	Penangguhan Mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-26 KHAS (4/2022) SECARA DALAM TALIAN**

HADIR

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) - **Pengerusi**
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Encik Nuruliman Ibrahim (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
5. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
6. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
7. Ts. Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)

TURUT HADIR

1. Encik Adidi Tamin (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
2. Encik Mohd Amaludin Salleh (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
3. Puan Kasmaria Zawawi (Urusetia Pusat Jaminan Kualiti)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Dato' Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
3. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
4. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
5. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
6. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) - **Setiausaha**